

11 NOV 1997

Agong-Panji

PDRM TERIMA PANJI-PANJI BARU TANDA PERJUANGAN DAN PENGORBANAN

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini menganugerahkan panji-panji utama yang baru kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagai tanda pengiktirafan perjuangan dan pengorbanan polis dalam memastikan keamanan negara terjamin.

Sempena penganugerahan itu nama baru bagi dua unit elit polis - Unit Tindak Khas dan Pasukan Komando Hutan Polis Hutan 69 (VAT 69) -- yang digabungkan, dan dikenali sebagai Pasukan Gerakan Khas (PGK) digunakan secara rasmi hari ini bersama nama baru Pasukan Polis Hutan yang kini digelar Pasukan Gerakan Am (PGA).

Logo baru pada panji-panji utama itu merupakan kepala harimau yang melambangkan kegagahan, keberanian dan semangat juang. Ia menggantikan logo lama, kepala singa.

Penganugerahan panji-panji kepada PGK, PGA, Polis Marin, Polis simpanan Persekutuan (FRU), Unit Udara Polis dan 17 batalion di bawah PGA itu dibuat pada satu majlis penuh istiadat di Pusat Latihan Polis di sini.

Satu perbarisan diraja diadakan sempena penganugerahan itu disertai 1,967 pegawai dan anggota polis yang diketuai ACP Mohd Sabtu Osman serta pegawai dan anggota 17 batalion PGA yang berpangkalan di seluruh negara.

Tuanku Ja'afar kemudian menepung tawar panji-panji utama PDRM yang baru itu.

Turut hadir pada majlis itu ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Dalam Negeri, kedua-dua Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Tajol Rosli Ghazali dan Datuk Ong Ka Ting. -- BERNAMA
SH RON